

KENYATAAN MEDIA

25 APRIL 2021

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

ST Siasat Kes Gas Bocor di Tapak Pembinaan LRT3

Putrajaya, 25 April – Merujuk kepada kes kebocoran gas di tapak pembinaan Transit Aliran Ringan (LRT) 3 di Shah Alam, Selangor, Suruhanjaya Tenaga (ST) sedang menjalankan siasatan lanjut bagi mengenal pasti punca sebenar kejadian.

ST telah dimaklumkan mengenai kejadian tersebut pada 13 April 2021, dan Gas Malaysia Distribution Sdn Bhd (GMD) selaku pemegang lesen yang bertanggungjawab telah mengambil tindakan segera bagi membaik pulih keadaan. Kerja-kerja pemberian sedang dijalankan, dan ST dimaklumkan bahawa tiada kemalangan jiwa dilaporkan, serta tiada gangguan bekalan gas berlaku kepada pelanggan berikutnya kejadian itu.

Laporan awal yang diterima mendapati kejadian tersebut mempunyai kaitan dengan kerja-kerja pembinaan LRT3. Bagaimanapun, punca sebenar hanya akan diketahui selepas siasatan selesai. ST juga bekerjasama dengan semua pihak berkenaan bagi memastikan keselamatan penduduk sekitar kawasan tersebut.

Sekiranya mempunyai aduan berkenaan perkara ini, orang ramai boleh menyalurkan segera aduan tersebut ke sistem aduan ST (eAduan) yang boleh dicapai melalui www.st.gov.my atau melalui talian 03-8870 8800 atau email ke eAduan@st.gov.my.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Azrina Mohammad Jais/Zairulliati Mali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-3589255 (Azrina)/013 2183778 (Zairulliati)/018 3822545 (Harith)

Emel: azlinamj@st.gov.my/zairulliati@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah. Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.